

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 15, 2019 10:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tinggal Satu Solat, 80 Tahun Di Neraka – Jadi Perangsang Hidup Ebit Lew



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 MEI 2019 / 10 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

TINGGAL SATU SOLAT, 80 TAHUN DI NERAKA – JADI PERANGSANG HIDUP EBIT LEW



UUM ONLINE: “Saya cuma nak semua orang bahagia dan masuk syurga dan saya akan tunaikan hak mereka mendekati Islam sebab saya tahu hidup saya macam mana dahulu, sangat tidak bahagia. Saya sesat tak kenal tuhan, saya betul-betul degil.

“Nakalnya saya dulu-dulu, kawan dengan budak-budak besar yang jahat-jahat bila cikgu pukul, saya pancitkan kereta dan cat rumah dia.

“Tetapi masa saya pergi sekolah, ada cikgu matematik bagi ceramah. Bila cikgu bagi tahu tinggal satu solat bersamaan 80 tahun di neraka saya menangis tak berhenti.”

Demikian bingkisan Ustaz Ebit Lew ketika menyampaikan ceramah sempena *Open Day: BR Hackathon Day 2019* anjuran Inasis Bank Rakyat di padang Kachi, UUM.

Saya mula teringat mak ayah saya. Cita-cita saya pertama, pastikan mak ayah masuk syurga. Saya terlalu sayang mak ayah, saya tak nak mereka masuk neraka. Itu yang buat saya berubah dalam hidup.

Itu juga yang membakar semangat belajar mendalami Islam dan berdakwah. Hari-hari saya rajin belajar, baca buku, Saya balik rumah, saya masuk ikut pintu belakang untuk belajar kenal Allah. Bapa marah, dia rotan saya.

Ayah saya garang. Kalau ayah pegang kayu pukul 7 malam, anak-anak semua masuk rumah tapi dengan mak dia romantik habis, makan bersuap-suap dan tak pernah marah mak.

Semangat berdakwah bermula sejak kecil dan sering mengikut orang-orang tua masuk kampung orang asli untuk berdakwah.

Satu hari saya balik rumah pandang mak ayah saya menangis. Saya balik dari masjid, saya menyorok dalam rumah sedang ralat baca Al-Quran dan hadis, tiba-tiba mak datang.

Mak menangis duduk dekat saya katanya dia mahu belajar sembahyang dan kenal Allah cuma saya sedih ayah masih dengan dunianya. Hari-hari saya menangis mendoakan dia.

"Ya Allah, saya tak nak ayah masuk neraka. Saya sayang dia. Berilah hidayah kepada dia." Saya doa sungguh-sungguh sambil menangis tetapi jauh di sudut hati sebenarnya saya tak percaya ayah boleh berubah.

"Cuma saya positif, setiap hari saya balik rumah, saya fikir, *"mesti ayah tengah sembahyang, tengah buka Al-Quran dan buat benda baik-baik."*

"Tahu tak hari paling gembira dalam hidup saya? Masa saya baca al-Quran dan hadis, bapa datang duduk sebelah saya," soalnya memancing minat.

"Ebit, boleh tolong ayah?" mata ayah berkaca. *Boleh tak ajar ayah kenal Allah, ajar ayah sembahyang.* Saya terus menangis tak henti-henti di pangkuannya. Saya pegang tangan dia, bawa pergi ambil wudhuk.

Masa itu saya merasa kagum dengan kebesaran Allah, saya sangat yakin dengan kekuatan doa, tiada apa yang mustahil.

Perkara yang saya fikir paling mustahil, rupa-rupanya saya terlupa yang Allah kenal bapa lebih daripada saya kenal bapa saya sendiri.

Saya ajak dia sembahyang, bentangkan dua sejadah, saya imam dia makmum. tengah sembahyang, ayah menangis kuat-kuat. Dia tak baca apa-apa.

Ayah: Ebit, Allah maafkan ayah tak? Ayah jahat, ayah tak pernah kenal Dia, ayah tak pernah terima kasih pada Dia?

Ebit : Ayah, tahu tak siapa yang bawa ayah hari ini untuk sembahyang, untuk kenal Allah? Kalau ayah nak tahu, bukan mak, bukan Ebit, bukan siapa-siapa, tapi Allah yang Maha Kaya, Maha Penyayang, Maha Pengasih, yang maha segala-galanya, yang menjadikan sesuatu, yang miliki segala sesuatu. Ayah, dia yang jaga kita dari dulu sampai sekarang, Dia yang bagi ayah hidayah, Dia dah maafkan ayah. Itulah hari yang paling bahagia dalam hidup saya.

Kalau saya tak kenal tuhan, saya tak tahu apa yang jadi dalam hidup saya sekarang. saya sangat bahagia dapat kenal Allah kalau tidak musnah hidup saya

Entah kat longkang mana saya hidup sekarang, entah apa yang saya akan buat kalau saya tak kenal tuhan, saya tak tahu apa yang akan jadi dalam hidup saya.

Tapi lepas kenal tuhan, saya sangat bahagia. Saya jumpa mana-mana orang saya bagi tahu pada semua orang, supaya mereka belajar dan kenal.. tuhan ini cuma satu.

Nama tuhan kita Allah, nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Kena bagi tahu pada semua bukan Islam dan sayangi mereka. Dia masuk Islam atau tidak, mereka keluarga kita, tuhan yang menjadikan kita semua dan tak boleh hina sesiapa.

Tapi kita kena pujuk semua orang untuk mendekati Islam sekali-sekala bercakap dengan mereka beritahu dengan baik.

Penemuan dan apa yang sains beritahu pasal alam, hujan, kejadian manusia, bumi, langit, matahari, bulan, bintang telahpun tertulis dalam al-Quran sejak lebih 1,400 tahun dahulu. Saintis baru jumpa dalam masa beberapa ratus tahun ini.

Ini kerana al-Quran bukan daripada manusia, al-Quran daripada tuhan yang menjadikan segala-galanya.

Sebab tu kita bersyukur menjadi umat Islam. Tahu tak siap yang beri kepada adik-adik Islam? Allah. Dan Dia sangat sayang awak semua, lebih daripada siapa-siapa yang sayang kita.

Kita hidup, kita kena syukur pada Allah, syukur menjadi umat Islam, syukur dapat kenal Allah. Jangan pernah tinggalkan sembahyang. Jaga sembahyang lima waktu.

Siapa yang mahu tahu masa depan? Siapa yang risau kahwin dengan siapa, tinggal di mana, siapa yang risau?

Nak tak saya bagitahu malam ni siapa yang berjaya siapa yang tak Berjaya? Siapa yang bahagia siapa yang tak bahagia?

Biar saya bagitahu sekarang. Ingat sampai bia-bila. Kalau awak mula JAGA SOLAT AWAL WAKTU, ALLAH AKAN JAGA AWAK DI DUNIA DAN DI AKHIRAT. Solat dengan jaga solat, beza langit dengan bumi.

Manusia dijadikan dengan sifat keluh kesah.” Dapat kesenangan, sombong, lupa diri, berlagak, bila dapat kesusahan, marah-marah, berkeluh-kesah, paling malang ada yang terjun bangunan bunuh diri. Kata Allah, bukan begitu orang yang solat.

Orang yang solat ini
Mungkin dia kaya
Mungkin dia naik pangkat.
Mungkin dia turun pangkat.
Mungkin dia dapat jawatan atau dibuang jawatan.
Mungkin dia dah kahwin, mungkin dia dah bercerai.
Mungkin dia dapat anak, mungkin dia tak dapat anak.
Mungkin ada rumah besar, mungkin duduk bawah jambatan.

Walaupun ditimpa ujian dalam hidup tapi sebenarnya orang solat, Allah akan bagi bahagia dalam hati dia buat selama-lamanya.

Hari itu saya berjumpa dengan seorang motivator terkenal yang bukan Islam kenalan lama Saya pergi rumah dia yang dihiasi patung-patung emas yang mahal-mahal.

Saya sampai pukul satu pagi, saya ajar dia mengucap lalu menjadi muslim tetapi nak dirahsiakan kerana risau isteri, keluarga, dan macam-macam yang dia risau dalam hidup.

Lalu saya bertambah yakin dengan *a'la bidzikrillah tathmainnul qulub*, hanya dengan ingat Allah, hati akan jadi tenteram.

Ramai orang bila ucap syahadah dia bahagia, tenang, tenteram. Sepatutnya siapa yang paling tenang dalam dunia? Kita semua. Oleh itu, adik-adik semua JANGAN TINGGAL SOLAT. Saya merayu pada awak semua.

Di luar sana saya jumpa 50 orang, nak cari yang solat amat susah. Ketika masuk universiti saya sembahyang subuh 3 orang saja.

Saya niat, sebelum grade, jangan satu orang pun kawan saya tak sembahyang. Saya tengok bilik, semua sunyi sepi. Waktu subuh semua orang tak bangun. Saya nangis kuat-kuat.

Kalau orang-orang kat tepi jalan, bawah jambatan, dia tak solat saya tak hairan sangat. Semua bilik saya ketuk. Saya iqamat lambat sikit. Saya sedih bila orang tak bangun.

Ya Allah, kawan-kawan saya tak sembahyang. Betapa sesatnya hidup saya dulu, Kau beri aku dapat kenal Kau, belajar sembahyang, hidup saya berubah. Betapa sedihnya hati saya bila tengok anak-anak Islam tak sembahyang. Tak bangun subuh.

Hujung semester jemaah bertambah menjadi 70 orang jadi saya minta pindah ke kolej lain. Pengetua tanya, *kenapa nak keluar? Kan dah elok-elok jadi imam* saya kata, *Dr., dulu saya masuk 3 orang yang solat subuh dan habis semester ni, saya nak 70 orang yang sembahyang subuh ini ikut berdakwah.*

Saya terkejut. *macam ni ke universiti?"* Saya pergi kedai mamak menuju ke arah meja budak-budak universiti melepak untuk bercerita pasal agama.

Budak U: Abang, boleh tak jangan ganggu kami. Kami tengah *discussion* ni.

Ebit: Saya cuma nak minta 7 minit sahaja. Lebih 7 minit makanan-makanan ni saya bayar.

Saya pun bersembang bila sampai bab sembahyang, ramai mengaku dah tak sembahyang walaupun dulu ada yang sekolah agama, sekolah sains, sekolah asrama penuh malah ada yang terus-terang, hari-hari kat universiti berzina dan buat benda tak senonoh.

Saya teringat dekat anak perempuan saya dekat rumah. Kasihannya dekat anak perempuan saya dan kakak-kakak semua kalau binasakan diri setelah mendapat Islam. Ramai orang di dunia ini baik-baik dan mereka rindukan kebaikan jadi niatlah untuk bawa kebaikan.

Pandang orang sebelah adik-adik dan cakap "*saya sayang awak kerana Allah, semoga kerana Allah, awak sayang saya, dan Allah bertambah sayang pada awak,*" luahnya dalam nada terharu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.